

23/11/2016 - Sesi Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2

Bismillaahirrahmaanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan;

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang,
Ketua Audit Negara;

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan;

YBhg. Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri, Dato' - Dato', dan rakan-rakan media yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana di bawah rahmat dan inayahNya, kita diberi kesempatan untuk hadir bersama di majlis **Sesi Bersama Media Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2** pada hari ini.

2. Sesi Bersama Media ini dapat diadakan buat kali kedua bagi tahun ini selepas pembentangan di Parlimen pada 21 November 2016.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 SIRI 2

3. Untuk makluman semua, terdapat 2 bentuk teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara iaitu teguran *corrective* yang melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur dan teguran *punitive* yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas.

4. Dalam Laporan Siri 2, secara keseluruhannya terdapat **944 teguran** iaitu **95.6%** atau **902 teguran *corrective*** dan **4.4%** atau **42 teguran *punitive***. **42 teguran *punitive*** tersebut melibatkan **6 Kementerian, 5 Badan Berkanun Persekutuan** dan **8 Kerajaan Negeri.**

5. Di peringkat **kementerian**, terdapat **10 teguran *punitive*** melibatkan **isu pengurusan perolehan** dan **isu pengurusan projek** iaitu:

a) **Kementerian Dalam Negeri**

1 teguran bagi **Pengurusan Perolehan Jabatan Penjara Malaysia;**

b) **Kementerian Pendidikan Tinggi**

2 teguran bagi **Pengurusan Perolehan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran;**

c) **Kementerian Kerja Raya**

2 teguran bagi **Projek Membina Dan Menyiapkan Pusat Latihan Polis Di Mukim Pelangai, Bentong, Pahang;**

d) Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

1 teguran bagi Projek Kluster Tenusu;

e) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air

3 teguran bagi Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau Pantai 2; dan

f) Jabatan Perdana Menteri

1 teguran bagi Projek Lewat Jadual/ Projek Sakit.

6. Bagi Badan Berkanun Persekutuan, terdapat 17 teguran punitive yang melibatkan:

a) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

10 teguran bagi Pengurusan Projek FELDA Dan Subsidiari;

b) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

1 teguran bagi Pengurusan Projek Khas Perumahan Nelayan;

c) Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang

3 teguran bagi Pengurusan Hartanah;

d) Universiti Kebangsaan Malaysia

2 teguran bagi Pengurusan Perolehan; dan

e) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

1 teguran bagi **Pengurusan Projek Mewujudkan Tempat Tarikan Ikonik.**

7. Manakala bagi **Kerajaan Negeri, 15 teguran *punitive*** melibatkan:

a) **2 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Perbandaran Bentong dan Majlis Daerah Cameron Highlands, Negeri Pahang;**

b) **2 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Daerah Baling dan Majlis Daerah Sik, Negeri Kedah.**

c) **1 teguran** bagi **Pengurusan Projek Pembangunan dan Pembaikan Sekolah Agama, Negeri Sembilan;**

d) **3 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Majlis Daerah Selama, Negeri Perak;**

e) **1 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Daerah Tenom dan Nabawan, Negeri Sabah;**

f) **3 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Negeri Selangor;**

g) **1 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan Majlis Daerah Tumpat dan Majlis Daerah Machang, Negeri Kelantan;** dan

h) **2 teguran** bagi **Pengurusan Syarikat MITC Bowlplex Sdn. Bhd., Negeri Melaka.**

Tindakan Susulan Ke Atas Teguran *Punitive* LKAN 2015 Siri 2

8. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan **6 Jawatankuasa Siasatan Khas** untuk menyiasat **10 teguran punitive** yang melibatkan **6 kementerian** bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 ini. Siasatan ini bertujuan untuk memperoleh keterangan yang relevan dari aspek kesaksian dan keterlibatan pegawai dalam kes-kes yang dilaporkan. Sehubungan dengan itu, tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan jenayah di mahkamah akan dikenakan terhadap pegawai sekiranya didapati wujud asas kukuh bahawa pegawai berkenaan telah melakukan salah laku atau kecuaiian.

9. Berdasarkan siasatan tersebut, didapati bahawa sehingga 22 November 2016:

a) **3 teguran daripada 10 teguran mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib** yang melibatkan **5 pegawai**^[1];

b) **3 teguran** tersebut yang melibatkan kes:

i) **Pengurusan Perolehan Jabatan Penjara Malaysia di Kementerian Dalam Negeri;**

ii) **Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau Pantai 2 iaitu Pengujian, Pentauliahan dan Process Proving Works dan Certificate of Sectional Completion No. 1 Telah Dikeluarkan Walaupun Kerja Belum Siap di Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air;**

c) **2 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran** di **Kementerian Pendidikan Tinggi** di mana Jabatan Audit Negara dengan Jawatankuasa Siasatan Khas akan melihat semula perkara ini; dan

d) **5 teguran** didapati **tiada unsur penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas** tetapi sebaliknya memerlukan penambahbaikan sistem, prosedur dan peraturan semasa. Bagi **5 teguran** ini, **penyelarasan** dan **penelitian susulan** telah diadakan bersama **Jabatan Audit Negara, Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Penasihat Undang-Undang Jabatan Perkhidmatan Awam** dan **disahkan tiada kes** terhadap teguran tersebut.

10. Dimaklumkan juga bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengemukakan surat supaya Jawatankuasa Siasatan Dalaman ditubuhkan bagi menyiasat **32 teguran punitive** yang melibatkan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang dinyatakan sebentar tadi.

11. Berdasarkan siasatan terhadap teguran *punitive* Badan Berkanun Persekutuan sehingga 22 November 2016, **15 daripada 17 teguran telah selesai**, di mana:

a) **12 teguran** iaitu **10 teguran di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan** dan **2 teguran di Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib** yang melibatkan **9 pegawai**;

b) **3 teguran** di **Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang** didapati **tiada kes**; dan

c) **2 teguran** di **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur** dan **Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia masih dalam siasatan**.

12. Seterusnya, siasatan bagi teguran *punitive* ke atas agensi di peringkat Negeri, **3 daripada 15 teguran telah selesai**, iaitu:

a) **3 teguran yang melibatkan 5 pegawai di Negeri Perak iaitu di Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Majlis Daerah Selama akan dimulakan prosiding tatatertib**; dan

b) **12 teguran** lagi **masih dalam siasatan**.

13. Secara keseluruhannya, daripada 42 teguran *punitive* dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2, **18 teguran** yang melibatkan **19 pegawai mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib**, manakala **8 tegurantiada unsur penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas** tetapi sebaliknya memerlukan penambahbaikan

sistem, prosedur dan peraturan semasa dan **16 teguran masih dalam siasatan**. Di samping itu, 1 hasil pengauditan akan disiasat oleh SPRM[2].

14. Berdasarkan kepada hasil siasatan ini, saya berpandangan teguran-teguran yang dikenalpasti di peringkat awal yang ada unsur-unsur *punitive*, ianya hendaklah diteliti lanjut oleh Jabatan Audit Negara bagi memastikan teguran-teguran *punitive* ini adalah sememangnya wujud penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas di kalangan pegawai awam.

Status Tindakan Susulan Ke Atas Teguran Corrective LKAN 2015 Siri 2

15. Bagi **902 teguran corrective, 32.2%** atau **290 teguran** telah selesai diambil tindakan penambahbaikan oleh kementerian/ agensi yang berkenaan manakala **67.8%** atau **612 teguran** masih dalam tindakan kerana teguran-teguran tersebut memerlukan masa untuk dibuat tindakan pembetulan/ penambahbaikan oleh kementerian/ agensi yang terlibat. Status tindakan ini dipantau melalui *Dashboard* Jabatan Audit Negara.

PAPARAN MEDIA

16. Saya telah meneliti 57 liputan media mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 ini, yang dilaporkan dalam akhbar seperti *The Star*, BERNAMA, Berita Harian, dan media alternatif yang lain dan didapati hanya 12 (21%) daripada liputan tersebut melibatkan teguran *punitive* manakala bakinya 45 (79%) adalah teguran *corrective*. Sebagai contoh, dalam muka depan *The Star*, daripada 6 teguran yang dipaparkan, 2 adalah teguran *punitive* melibatkan FELDA di mana 7 pegawai akan dimulakan prosiding tatatertib. 1 lagi teguran yang dipaparkan adalah melibatkan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang mana perkara ini sedang disiasat oleh SPRM.

17. Oleh itu, saya berharap liputan media mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 hendaklah juga mengambil kira Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara.

RUMUSAN LKAN 2015

18. Saya ingin merumuskan di sini bahawa bagi keseluruhan Siri 1 dan Siri 2, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015, daripada **1,695 teguran** hanya **5%** atau **85 teguran adalah teguran punitive** manakala **95%** atau **1,610 teguran adalah berbentuk corrective**.

19. Ingin saya tegaskan bahawa, walaupun hanya **5%** merupakan teguran *punitive*, Kerajaan tetap mengambil tindakan tegas terhadap sebarang penyelewengan dan salah laku yang dilaporkan. Bagi teguran *punitive* Siri 2, tindakan sedang diambil sebagaimana yang telah saya jelaskan sebentar tadi, manakala bagi teguran *punitive* Siri 1:

a) di peringkat Kementerian, seramai **9 pegawai** telah dimulakan **prosiding tatatertib** di mana **3 pegawai** telah **diputuskan hukuman** oleh Lembaga Tatatertib berkenaan yang meliputi hukuman Amaran dan Tangguh Pergerakan Gaji manakala **3 pegawai telah dibebaskan. 3 pegawai** lagi dalam proses penentuan hukuman; dan

b) di peringkat Badan Berkanun Persekutuan, **seorang pegawai** telah **dibuang kerja**.

20. Suka saya jelaskan di sini bahawa semua kes di peringkat Persekutuan bagi tahun 2012 hingga 2015 Siri 1 telah diselesaikan kecuali bagi **3 kes[3]** yang masih dalam **peringkat penentuan hukuman**.

21. Berdasarkan pemerhatian saya, sepanjang pengauditan dari tahun 2012 hingga kini, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun lebih cenderung untuk mengambil tindakan secara pentadbiran ke atas pegawai-pegawai yang terlibat dalam penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas. Harus diingatkan di sini bahawa **amaran secara pentadbiran bukanlah merupakan suatu tindakan tatatertib**. Oleh itu, menghukum penjawat awam yang melakukan kesalahan tatatertib dengan hanya memberi **amaran secara pentadbiran perlu dihentikan**. Semua Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Eksekutif Badan

Berkanun hendaklah **mengambil tindakan tegas terhadap pegawai yang didapati bersalah berasaskan peraturan tata tertib yang berkuat kuasa.**

22. Bagi teguran *corrective* pula, daripada **708 teguran, 61.9%** atau **438 teguran** telah selesai diambil tindakan penambahbaikan dan **38.1%** atau **270 teguran** masih dalam tindakan.

PERBANDINGAN LKAN TAHUN 2014 DAN LKAN TAHUN 2015

23. Perbandingan terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 dan 2015 menunjukkan sebanyak **85 teguran punitive telah dilaporkan pada tahun 2015 berbanding 49 teguran punitive pada tahun 2014.** Peningkatan jumlah teguran *punitive* ini disebabkan pengauditan dilaksanakan secara *across the board* ke atas pengurusan perolehan yang menyebabkan bilangan Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang diaudit bertambah. Pengauditan turut dilaksanakan ke atas **projek-projek Kerajaan yang bernilai melebihi RM100 juta dan berimpak tinggi** dengan tumpuan terhadap **projek yang bermasalah.** Kaedah *risk-based auditing* juga digunakan untuk mengenalpasti tajuk pengauditan yang berisiko tinggi.

Tindakan Ke Atas Pegawai Dalam Kes LKAN 2012 hingga 2015 Siri 1

24. Saya juga ingin memaklumkan bahawa berasaskan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 hingga 2015, **2 kes** masih dalam siasatan SPRM manakala seramai **154 pegawai** telah diambil tindakan tata tertib dan surcaj oleh Lembaga Tata tertib berkenaan yang meliputi hukuman amaran sehingga buang kerja. Hukuman tata tertib ini akan menjejaskan kemajuan kerjaya pegawai di samping memberi kesan terhadap gaji dan faedah persaraan pegawai.

KOMITMEN KERAJAAN MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BERPRESTASI TINGGI DAN BERINTEGRITI

25. Ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan amat memandang serius isu-isu ketirisan hasil Negara dan komited untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti dan proaktif. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah dan akan mengambil tindakan-tindakan berikut:

a) Mekanisme Siasatan

Jabatan Perkhidmatan Awam diminta untuk **mengenalpasti mekanisme** bagi membolehkan Jawatankuasa Siasatan Khas ditubuhkan di peringkat Persekutuan bagi menyiasat teguran-teguran *punitive* yang melibatkan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun. Pelaksanaan mekanisme ini akan dirundingkan bersama dengan Pihak Berkuasa Negeri dan Badan Berkanun yang berkenaan.

b) Peranan Audit Dalam

Audit Dalam Kementerian/ Agensi diminta memainkan peranan dalam memantau aktiviti-aktiviti utama dan berisiko yang melibatkan pengurusan kewangan, pembangunan dan perolehan di Kementerian/ Agensi berkaitan. Dalam konteks ini, **Audit Dalam hendaklah memberi peringatan tegas** terhadap sebarang ketidakakuran prosedur semasa proses pelaksanaan aktiviti tersebut. **Ketua Setiausaha Kementerian/ Setiausaha Kerajaan Negeri/ Ketua Eksekutif** hendaklah mengambil **tindakan segera dan tegas** terhadap teguran dan ketidakakuran yang dilaporkan oleh Audit Dalam.

c) Penubuhan Unit Pelaksanaan Projek Awam (PPEU)

Satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada 1 Julai 2016 sebagai **penyedia kemudahan fizikal Kerajaan** dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam aktiviti-aktiviti pembinaan projek sehingga projek selesai. Unit ini juga bertujuan untuk **mentransformasikan sistem pelaksanaan projek awam** ke arah meningkatkan prestasi dan membangunkan pakar tempatan dalam pengurusan projek yang berintegriti dan lebih berdaya saing.

d) Program Pemantapan Kompetensi dan Nilai Integriti

Program latihan diperluaskan bagi memantapkan kompetensi pegawai yang terlibat dengan tugas-tugas kewangan/ pembangunan dan perolehan. Mulai **2014 sehingga November 2016**, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah melatih **196 pegawai** bagi **Kursus Pensijilan Pengurusan Projek Awam Bersepadu (3PAB)** dan **372 pegawai** bagi **Kursus Sijil Pentauliahan Perolehan Kerajaan (SPPK)**. Di samping itu juga, JPA bersama-sama SPRM melalui Unit Integriti Kementerian dan Institut Integriti Malaysia (IIM) telah dan akan terus mempertingkatkan nilai-nilai integriti penjawat awam. Seramai **20 pegawai SPRM** telah ditempatkan di Unit Integriti Kementerian/ Agensi berisiko tinggi manakala **213 pegawai dari pelbagai skim perkhidmatan** telah ditempatkan di Kementerian/ Agensi berisiko sederhana dan rendah. Sehingga kini, seramai **492 pegawai** telah menjalani program **Persijilan Pegawai Integriti Bertauliah Atau *Certified Integrity Officer* (CeIO)**.

e) Pemantapan Jabatan Audit Negara (JAN)

Jabatan Audit Negara telah dimantapkan lagi melalui penstrukturan semula dengan pewujudan 74 jawatan secara *trade-off* bertujuan untuk memperluaskan skop pengauditan sama ada di peringkat **Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun mahupun Pengurusan Syarikat** bagi mengawal dan menangani ketirisan hasil Negara.

PENUTUP

26. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Bersama-sama saya pada hari ini adalah semua Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan dan menjawab persoalan, jika ada, daripada pihak media berhubung Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2.

Sekian,

WabillahiTaufikWalhidayah Wassalaamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.

Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Jabatan Perdana Menteri

23 NOVEMBER 2016

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2101>